

09/11/1998

Kesukaran usahawan dapat pinjaman dibincang

KUALA LUMPUR, Ahad - Menteri Kewangan Kedua, Datuk Mustapa Mohamed, akan mengadakan mesyuarat dengan institusi perbankan dan dewan perniagaan esok bagi membincangkan mengenai kesukaran usahawan mendapatkan pinjaman.

Menurutnya, langkah itu diambil berikutan ada usahawan dan ahli perniagaan tulen yang melaksana dan mendapat projek berdaya maju, masih sukar mendapat pinjaman.

Menurutnya, setakat ini pertumbuhan kredit hanya 4.5 peratus, walaupun kerajaan menetapkan sasaran pertumbuhan sebanyak lapan peratus sehingga akhir tahun ini.

"Unit Pengawasan Pinjaman Bank Negara menerima lebih 400 aduan mengenai masalah mendapatkan pinjaman daripada institusi perbankan dan suku daripadanya diselesaikan," katanya.

Mustapa yang juga Menteri Pembangunan Usahawan berkata demikian pada sidang akhbar selepas mewakili Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, merasmikan Seminar Pemulihan Ekonomi Negara Melalui Insurans Nyawa di sini, hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Dr Mahathir yang meminta pengurusan bank mengamalkan pendekatan positif dalam memberikan pinjaman kepada ahli perniagaan.

Dr Mahathir pada majlis makan malam Persatuan Bank-Bank Saudagar Malaysia malam semalam berkata, sejak kebelakangan ini kebanyakan bank tidak berminat memberikan pinjaman.

Seminar sehari anjuran Persatuan Ejen Kebangsaan Insurans Nyawa Malaysia (Namlia) itu dihadiri 5,000 peserta dari seluruh negara, mewakili 18 syarikat insurans di negara ini.

Terdahulu dalam ucapannya, Mustapa berkata langkah kerajaan menggunakan sumber kewangan tempatan daripada menumpukan kepada pinjaman asing untuk membiayai projek pembangunan, kini berjaya memulihkan ekonomi.

"Keyakinan rakyat dan sikap suka menabung juga membantu usaha kerajaan dalam mencari penyelesaian mengatasi kegawatan ekonomi yang berlaku akibat tindakan spekulator mata wang.

"Walaupun sejumlah besar dana tempatan digunakan bagi membiayai projek pembangunan, negara masih memerlukan pinjaman luar untuk merencanakan semula aktiviti ekonominya," katanya.

Beliau berkata, pelaksanaan Rancangan Pemulihan Ekonomi Negara (RPEN) yang membabitkan beberapa langkah drastik, kini mula menampakkan kejayaan, termasuk peningkatan dalam pasaran saham.

Dua langkah drastik itu yang diperkenalkan sejak awal September lalu ialah kawalan tukaran mata wang dan kawalan modal jangka singkat.

Mustapa berkata, kerajaan sedia mengadakan pertemuan dengan Namlia untuk menimbang mengenai cadangan meminda struktur Kawalan Kos Operasi insurans.

Beliau berkata, kerajaan juga sedia menimbang permohonan persatuan itu untuk menambah pengecualian cukai pendapatan daripada pembelian insurans sebanyak RM5,000.

(END)